

Media Title : Utusan Borneo Sabah
Headline : Waspada taktik penipuan menerusi WhatsApp
Date : 18 November 2023
Section : Tempatan
Page : 8



Waspada taktik penipuan menerusi WhatsApp

Penjenayah dipercayai menggodam akaun bank pengguna dan masyarakat dinasihatkan sentiasa peka

Oleh Yap Siong Han

KOTA KINABALU: Masyarakat negeri ini dinasihatkan sentiasa peka dan berwaspada terhadap taktik penipuan menerusi aplikasi WhatsApp.

Ketua Penerangan Parti Liberal Demokratik (LDP) Simon Chin berkata, taktik berkenaan adalah dengan cara menggodam akaun aplikasi WhatsApp pengguna, seterusnya menarik mangsa dengan jaminan komisyen yang lumayan.

Katanya, tiada perkara



CHIN

dalam kehidupan adalah percuma di mana seseorang itu mampu menjana sejum-

lah komisyen yang lumayan tanpa kerja keras.

“Masyarakat dinasihatkan peka dan jangan menjadi mangsa kepada taktik berkenaan. Baru-baru ini terdapat kumpulan WhatsApp yang menamakan kumpulan berkenaan ‘YouTube-Support Program03’.

“Admin kumpulan berkenaan akan menghantar mesej kepada ahlinya agar tidak meninggalkan kumpulan itu, dengan menawarkan program yang menjanjikan pulangan komisyen yang lumayan

dengan hanya mengikuti saluran berkaitan tanpa dikenakan sebarang yuran,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pihak tidak bertanggungjawab kemudian akan memaparkan cara-cara untuk menjana pendapatan yang lumayan.

Katanya, beliau turut menerima mesej daripada pihak tidak bertanggungjawab dengan menggunakan nombor telefon rakannya.

“Saya berasa bimbang kemudian berhubung den-

gan rakan berkenaan dan saya dimaklumkan bahawa akaun WhatsAppnya digodam.

“Rakan itu juga tidak dapat mengakses akaun WhatsApp dalam telefonnya dan semua nombor dalam senarai telefon juga telah dimasukkan ke dalam kumpulan WhatsApp yang tidak bertanggungjawab,” katanya.

Menurutnya, terdapat mangsa menjelaskan setelah terperangkap, mereka tidak pernah menerima sebarang pembayaran, tetapi dike-

hendaki mengemukakan data peribadi termasuk akaun bank untuk tujuan transaksi pembayaran.

Katanya, ini adalah taktik jenayah untuk menggodam akaun bank pengguna dan masyarakat dinasihatkan sentiasa peka dan tidak sewenang-wenangnya memberikan butiran bank kepada pihak tidak bertanggungjawab.

“Siasat latar belakang syarikat berkenaan, jangan sesuka hati membuka pautan atau kod QR yang mencurigakan,” katanya.